

**MEMPERKASAKAN INTEGRITI DALAM ORGANISASI ISLAM: SATU
TINJAUAN HOLISTIK**

Ahmad Faris Ashman Rizal Azwan^{1*}, Nor Aleeya Maisara Nor Azhar¹, Syakirah
Maisarah Abdullah¹, Shazlina Abd Razak¹ & Mai Nur Athirah Mior Helmi¹

¹Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Melaka,
78000 Alor Gajah, Melaka

*ashmanfaris36@gmail.com (Corresponding Author)

DOI: <https://doi.org/10.24191/ejitu.v5i2.7317>

Abstrak**E-JITU**

Acceptance date:
29th August 2022

Valuation date:
15th September 2022

Publication date:
22th October 2022

Artikel ini membincangkan konsep integriti dalam pengurusan Islam dengan meneliti aspek kejujuran, amanah, akauntabiliti dan ketelusan yang menjadi asas dalam membentuk organisasi yang cemerlang dan diredhai Allah SWT. Integriti dalam pengurusan Islam bukan sahaja berkait dengan aspek teknikal tetapi juga berkait rapat dengan pematuhan syariah dan akhlak Islam. Kajian ini mengupas dimensi integriti yang meliputi integriti kerja, komunikasi, kewangan dan masa serta isu-isu semasa berkaitan penyelewengan, pecah amanah, rasuah dan penyalahgunaan dadah dalam organisasi. Integriti yang lemah dalam organisasi sering kali menjadi punca kepada keruntuhan institusi dan hilangnya kepercayaan masyarakat. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan analisis kandungan dokumen bagi mengenal pasti strategi memupuk budaya integriti dalam organisasi Islam. Hasil kajian menunjukkan bahawa pengurusan berintegriti mampu meningkatkan kepercayaan, produktiviti dan kesejahteraan dalam organisasi. Artikel ini mencadangkan agar dasar etika Islam diperkukuh, latihan integriti dilaksanakan secara berterusan serta budaya syura digalakkan dalam membuat keputusan bagi memastikan amalan integriti dapat diterapkan dengan efektif dalam pengurusan Islam.

Kata kunci: Integriti, Pengurusan Islam, Etika, Akauntabiliti, Budaya Organisasi

**EMPOWERING INTEGRITY IN ISLAMIC ORGANIZATIONS: A
HOLISTIC OVERVIEW****Abstract**

This article discusses the concept of integrity in Islamic management by examining key elements such as honesty, trustworthiness (amanah), accountability, and transparency—principles that form the foundation of an excellent organization that seeks the pleasure of Allah SWT. Integrity in Islamic management is not only related to technical aspects but is

also closely tied to Shariah compliance and Islamic ethics. This study explores various dimensions of integrity, including work ethics, communication, financial management, and time management, as well as current issues such as misconduct, breach of trust, corruption, and drug abuse within organizations. Weak integrity often leads to the collapse of institutions and the erosion of public trust. This study adopts a qualitative approach using document content analysis to identify strategies for cultivating a culture of integrity in Islamic organizations. The findings reveal that integrity-based management enhances trust, productivity, and overall well-being within the organization. The article recommends strengthening Islamic ethical policies, implementing continuous integrity training, and promoting the practice of shura (consultation) in decision-making to ensure that integrity is effectively embedded in Islamic management practices.

Keywords: *Integrity, Islamic Management, Ethics, Accountability, Organizational Culture*

PENGENALAN

Dalam era pengurusan moden yang serba mencabar, isu integriti semakin mendapat perhatian apabila pelbagai kes rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan dilaporkan bukan sahaja dalam sektor awam, malah turut melibatkan sektor swasta. Fenomena ini sering berpunca daripada pengubahsuaian nilai-nilai agama dalam sistem pengurusan dan kepimpinan. Islam sebagai agama yang menawarkan pendekatan pengurusan yang holistik dan seimbang, berteraskan nilai integriti yang kukuh. Dalam pengurusan Islam, integriti bukan sekadar satu prinsip moral, tetapi merupakan tuntutan syariah yang merangkumi kejujuran, amanah keadilan dan tanggungjawab. Setiap pemimpin dan pekerja menyedari bahawa mereka bukan hanya bertanggungjawab kepada manusia tetapi juga akan dipersoal di hadapan Allah SWT.

Konsep asas integriti dalam Islam ini bukan sahaja membentuk individu yang beretika malah mencorakkan organisasi yang cekap, amanah dan diberkati. Hal ini dapat dilihat dalam pelbagai dimensi pengurusan seperti integriti dalam kerja, komunikasi, pengurusan kewangan serta pengurusan masa yang efisien dan berakuntabiliti. Namun dalam realiti semasa pelbagai isu integriti terus berleluasa, menandakan wujudnya cabaran dan halangan dalam membudayakan nilai ini secara menyeluruh. Oleh itu, rangka strategi yang efektif untuk menanam dan memperkukuhkan budaya integriti dalam sesebuah organisasi Islam.

Justeru, penulisan ini akan mengupas secara terperinci berkenaan pelbagai aspek berkaitan integriti dalam pengurusan Islam termasuklah konsep asasnya, pelaksanaannya dalam pelbagai bidang, isu serta cabaran yang dihadapi dan seterusnya mencadangkan langkah-langkah membudayakan integriti secara menyeluruh demi mencapai pengurusan yang cemerlang dan diredhoi Allah SWT.

PERMASALAHAN KAJIAN

Isu integriti dalam pengurusan semakin menjadi perhatian dalam era moden apabila pelbagai kes salah guna kuasa, rasuah, dan penyelewengan berlaku dalam sektor awam dan swasta. Walaupun pengurusan Islam menawarkan prinsip yang kukuh dalam membentuk budaya kerja yang beretika, namun pelaksanaannya masih lemah. Menurut Yahya dan Hasan (2019), pemahaman dan penghayatan integriti dalam kalangan pengurus dan pekerja di Malaysia masih belum mencapai tahap optimum, mengakibatkan kegagalan membina organisasi yang berdaya saing dan berwibawa.

Selain itu, cabaran utama dalam mengaplikasikan integriti dalam pengurusan Islam adalah kekurangan kesedaran dan pendedahan terhadap nilai-nilai integriti berasaskan syariah. Mustafa@Busu et al. (2022) menegaskan bahawa sistem latihan dan pendidikan integriti dalam organisasi masih tidak memadai dalam membentuk budaya integriti yang menyeluruh. Ramai pekerja dan pengurus masih terperangkap dalam budaya kerja yang mementingkan keuntungan dan kedudukan tanpa mengambil kira aspek kejujuran dan amanah.

Tambahan pula, wujud pelbagai halangan struktur seperti prosedur kerja yang tidak jelas, ketidakcekapan pengurusan audit dalaman dan pengaruh budaya hedonisme yang meminggirkan nilai-nilai Islam. Ibrahim (2018) menyatakan bahawa tanpa penguatkuasaan dan penerapan prinsip integriti Islam secara sistematik, pelaksanaan pengurusan beretika tidak akan berjaya. Faktor inilah yang menjadi penghalang utama kepada keberkesanan integriti dalam pengurusan Islam di Malaysia.

SOROTAN LITERATUR

Kajian oleh Arifin dan Ahmad (2016) menunjukkan bahawa integriti dalam organisasi Polis Diraja Malaysia (PDRM) memainkan peranan penting dalam membentuk kepercayaan masyarakat terhadap institusi penguatkuasaan. Mereka menegaskan bahawa pengukuhan integriti mampu meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti organisasi. Hal ini menunjukkan pentingnya integriti dalam mewujudkan pengurusan yang dipercayai.

Ibrahim et al. (2018) menyorot bahawa penerapan konsep halal, hisbah, dan integriti dalam institusi pembangunan berasaskan Islam mampu mewujudkan organisasi yang berkesan dan patuh syariah. Mereka menekankan kepentingan membudayakan amalan beretika dan kejujuran dalam setiap peringkat pengurusan agar institusi Islam terus relevan dan dihormati.

Kajian Muhammad (2023) dalam aspek etika pengurusan menegaskan bahawa pengurusan yang berlandaskan prinsip Islam memerlukan komitmen tinggi daripada semua peringkat organisasi. Komunikasi yang beretika, pengurusan kewangan yang telus, dan pengurusan masa yang berdisiplin adalah antara komponen penting yang membentuk integriti dalam pengurusan Islam. Beliau menekankan perlunya strategi membudayakan integriti dengan mewujudkan sistem audit dan latihan berterusan.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah analisis kandungan ke atas pelbagai dokumen, artikel jurnal, dan sumber ilmiah berkaitan integriti dalam pengurusan Islam. Data dikumpulkan daripada kajian terdahulu, penulisan ilmiah, dan artikel berkaitan etika pengurusan Islam yang meliputi aspek integriti dalam kerja, komunikasi, kewangan, dan pengurusan masa. Penilaian dilakukan bagi mengenal pasti prinsip-prinsip asas, pelaksanaan, cabaran dan strategi dalam membudayakan integriti.

Analisis data dijalankan secara tematik untuk mengenal pasti kesesuaian teori dengan amalan semasa serta mengenal pasti jurang yang wujud dalam pelaksanaan integriti di organisasi Islam di Malaysia. Kajian ini turut mengambil kira isu semasa berkaitan integriti dalam organisasi kerajaan dan swasta serta menghubungkan dengan prinsip integriti dalam Islam.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Konsep Asas Integriti Dalam Islam

Integriti dalam Islam merujuk kepada keimanan, kata-kata dan perbuatan yang berpandukan ajaran Allah SWT. Ia bukan hanya melibatkan kejujuran luaran, tetapi juga menuntut keikhlasan hati dan rasa tanggungjawab terhadap amanah yang dipikul. Dalam konteks pengurusan, integriti dianggap sebagai asas utama kerana ia membentuk individu yang jujur, adil dan tanggungjawab, bukan hanya kepada manusia tetapi juga kepada Allah SWT.

Antara nilai-nilai asas integriti dalam Islam ialah:

1. Amanah

Amanah bermaksud memikul tanggungjawab dengan penuh kejujuran dan tidak mengkhianati kepercayaan yang telah diberikan. Seorang yang berintegriti akan melaksanakan tugas yang dipertanggungjawabkan kepadanya tanpa mengambil kesempatan atau menyeleweng. Sifat ini penting dalam pengurusan agar segala urusan dijalankan dengan penuh rasa tanggungjawab.

2. As-Siddiq (Kejujuran)

Siddiq bermaksud sentiasa berkata benar dalam setiap keadaan. Seorang muslim yang jujur tidak akan menyembunyikan maklumat, menipu atau berpura-pura dalam tindakan. Dalam organisasi juga perlu ada sifat kejujuran kerana apabila melahirkan kepercayaan antara pemimpin dan pekerja akan membina suasana kerja yang baik dan profesional.

3. Adil

Adil bermaksud meletakkan sesuatu pada tempatnya, tanpa berat sebelah atau pilih kasih. Seorang pemimpin atau pekerja yang adil akan membuat keputusan berdasarkan fakta

dan prinsip yang betul bukan berdasarkan emosi, kepentingan diri sendiri. Sifat ini akan menjamin keharmonian dalam sesebuah organisasi tersebut.

4. Keikhlasan

Ikhlas yang bermaksud melakukan sesuatu dengan niat yang tulus kerana Allah SWT, bukan hanya untuk mendapatkan pujian atau ganjaran. Orang yang ikhlas akan melaksanakan tugasnya dengan baik walaupun tidak dipuji atau dilihat oleh orang lain. Sifat ini harus diterapkan dalam pengurusan agar nilai ini akan menjadikan kerja dengan lebih berkualiti dan diberkati oleh Allah SWT.

5. Iktiqan (Bersungguh-sungguh)

Iktiqan bermaksud melakukan kerja dengan tekun, teliti dan sebaik mungkin. Islam menekankan supaya setiap tugas dilaksanakan dengan cemerlang. Sifat ini akan menjadikan seseorang itu, lebih bertanggungjawab terhadap kualiti kerja dan sentiasa berusaha menembaki baik mutu kerja mereka.

Kesimpulan yang dapat disimpulkan disini, konsep integriti dalam Islam merangkumi nilai-nilai murni yang sangat penting dalam membentuk akhlak dan sahsiah individu seseorang. Nilai seperti amanah, siddiq (kejujuran), adil, ikhlas dan iktiqan (bersungguh-sungguh) bukan sahaja menjadi panduan dalam kehidupan seharian malah menjadi asas yang kukuh dalam pelaksanaan tanggungjawab, keputusan, serta pengurusan organisasi dan masyarakat.

Integriti dalam Islam tidak terhad kepada aspek luaran semata-mata tetapi bermula dari hati yang ikhlas dan bersih kerana segala tindakan manusia akan dipersoalkan di hadapan Allah SWT. Oleh itu, apabila nilai-nilai ini diamalkan secara konsisten, ia mampu melahirkan individu yang berprinsip, profesional serta membantu mewujudkan sistem pentadbiran yang adil, telus dan berkesan.

Integriti dalam Islam bukan sekadar nilai profesional tetapi merupakan prinsip hidup yang mencerminkan hubungan antara manusia dengan Allah dan sesama manusia. Seseorang yang menghayati nilai-nilai asas ini akan sentiasa bertindak dengan adil, jujur, dan bertanggungjawab dalam segala urusan, sekaligus membentuk masyarakat dan organisasi yang beretika.

Integriti Kerja

Integriti kerja merupakan satu perkara yang berkait rapat dengan erti kejujuran dan keluhuran dalam melaksanakan sesuatu tugas yang telah diamanahkan yang menepati prinsip moral, etika profesional dan hukum syarak di dalam syariat Islam. Dalam aspek pekerjaan pula, integriti membawa maksud kemampuan seseorang untuk bersikap amanah dan bertanggungjawab tanpa dipengaruhi unsur-unsur yang dilarang dalam Islam.

Pengamalan integriti kerja dalam kalangan individu mampu membentuk semangat berdisiplin yang tinggi, sekali gus mencerminkan komitmen terhadap usaha mengekalkan prestasi kerja yang cemerlang dalam setiap tugas. Kejayaan menghasilkan hasil kerja yang berkualiti hanya dapat dicapai apabila seseorang memiliki keupayaan untuk membuat keputusan dan mengambil tindakan secara tepat melalui pemikiran yang kritis dan rasional. Selain itu, penghayatan yang mendalam terhadap nilai integriti turut menyerlahkan sifat-sifat mahmudah seperti kejujuran, ketekunan dan tanggungjawab. Nilai-nilai ini berperanan penting sebagai asas pembentukan budaya kerja yang sihat, amanah serta berdaya saing dalam sesebuah organisasi. Sebaliknya, individu yang tidak berintegriti akan menyebabkan seseorang individu itu menjadi tidak amanah dalam melaksanakan pekerjaannya seperti timbulnya unsur penipuan, penyelewengan, rasuah dan sebagainya. Dengan ini, integriti kerja amat penting kerana ia menjadi satu rujukan kepada pekerja dan majikan dalam mengekalkan kelancaran dalam sesebuah organisasi.

Antara unsur-unsur penting integriti kerja dalam pengurusan Islam ialah:

i) Bertanggungjawab

Tanggungjawab dalam konteks integriti kerja merujuk kepada kesedaran terhadap individu untuk menjalankan tugas-tugas yang diamanahkan dengan komitmen, integriti dan memenuhi piawaian etika dan profesionalisme. Ini termasuk dalam keupayaan untuk mengambil alih tugas secara telus dengan memastikan bahawa kerja mencapai kualiti yang baik tanpa mengabaikan prinsip moral dan Islam. Sikap yang bertanggungjawab ini juga mencerminkan integriti peribadi mereka yang bukan sahaja melaksanakan tugas tetapi juga mengekalkan kepentingan organisasi dan mengekalkan kepercayaan majikan mereka serta mengelakkan sebarang bentuk salah faham, kecuai atau ketidakadilan.

Sebagai contoh, orang yang bertanggungjawab untuk menguruskan peruntukan kewangan

jabatan harus memastikan bahawa setiap wang dibelanjakan untuk prosedur kewangan yang sah dan direkodkan dengan teliti dan telus. Dalam keadaan ini, nilai tanggungjawab yang tinggi digabungkan dengan integriti kerja menghalang penyalahgunaan kuasa, penipuan, atau kebocoran yang boleh menjejaskan reputasi umum organisasi.

ii) Bekerja dengan niat kerana Allah

Bekerja dengan niat kerana Allah dalam konteks integriti kerja bermakna menjalankan setiap tugas dan tanggungjawab yang diberikan sebagai satu bentuk ibadat, dengan keikhlasan, kepercayaan dan kejujuran semata-mata untuk mendapatkan kesenangan Allah Yang Maha Kuasa. Apabila individu bekerja sebagai satu bentuk pengabdian, maka semua tindakan, pilihan dan tugasnya akan dipandu oleh prinsip-prinsip Islam seperti keadilan, keterbukaan, kegigihan, dan tanggungjawab. Pendekatan ini bukan sahaja menguatkan integriti individu dalam menjalankan tugas mereka, tetapi juga menjadikan dirinya lebih berdisiplin, ikhlas dan moral dalam apa jua keadaan - walaupun tanpa pengawasan.

Sebagai contoh, pekerja awam yang berinteraksi dengan pelanggan dengan hormat, menawarkan perkhidmatan yang sama tanpa kecenderungan atau rasuah, dan

menyelesaikan tugas dengan segera walaupun tanpa pengawasan yang berterusan, mencerminkan mereka yang mendedikasikan diri mereka untuk berkhidmat lebih tinggi minda ini bukan sahaja mencerminkan kejujuran pekerjaan, tetapi juga membantu dalam mewujudkan sistem penyediaan perkhidmatan yang rapi, berkesan dan jujur.

iii) Melakukan pekerjaan yang baik dan halal

Kerja yang baik dan halal dalam konteks integriti kerja bermakna individu terlibat dalam aktiviti pekerjaan yang sah dan tidak berfaedah dalam undang-undang Islam untuk masyarakat, masyarakat dan organisasi. Kerja yang baik dan halal bukan sahaja termasuk jenis pekerjaan yang dibenarkan oleh Islam, tetapi juga etika, integriti dan tanggungjawabnya. Berhubung dengan integriti kerja, seseorang mesti mengelakkan amalan haram atau sirap seperti rasuah, penipuan, salah faham, atau mengabaikan tugas.

Sebagai contoh, pekerja pentadbiran yang menguruskan dokumen tawaran negeri harus memastikan bahawa semua proses dijalankan, mematuhi prosedur perolehan dan tidak menerima ganjaran haram dari pembekal. Tindakan ini dapat memastikan bahawa kerja kekal dalam sekatan halal dan baik.

Integriti Komunikasi

Komunikasi bermaksud penyampaian maklumat secara lisan ataupun bertulis daripada satu pihak ke pihak yang lain. Dalam aspek pekerjaan pula, komunikasi amat penting kerana ia menjadi teras yang dapat menentukan kejayaan ataupun kegagalan sesebuah organisasi yang bergantung kepada prestasi dan situasi antara pekerja dan majikan.

Antara bentuk etika komunikasi dalam Islam ialah:

- i) Memulakan dengan salam
- ii) Bercakap benar
- iii) Bercakap apabila perlu
- iv) Elakkan daripada menjatuhkan air muka seseorang
- v) Jangan menggunakan bahasa kasar atau lucah
- vi) Memanggil nama pendengar dengan nama yang disukai
- vii) Menghormati pendengar

Kepentingan Integriti Komunikasi

Integriti dalam komunikasi memainkan peranan penting dalam mewujudkan suasana kerja yang sihat dan profesional. Pertama, komunikasi yang berintegriti dapat membina kepercayaan antara individu dan organisasi kerana maklumat yang disampaikan adalah jujur, telus, dan boleh dipercayai. Kedua, ia membantu mengelakkan salah faham kerana setiap maklumat disampaikan dengan tepat dan bertanggungjawab. Seterusnya, integriti dalam komunikasi juga dapat meningkatkan reputasi organisasi, terutamanya apabila semua pihak berkomunikasi secara terbuka dan beretika.

Di samping itu, komunikasi yang berasaskan integriti menggalakkan sikap tanggungjawab dalam kalangan pekerja, kerana mereka sedar bahawa setiap maklumat yang disampaikan memberi kesan kepada orang lain. Budaya ini seterusnya menjana persekitaran kerja yang lebih positif, aman dan saling menghormati. Dalam konteks Islam, integriti dalam komunikasi adalah selari dengan nilai-nilai seperti bercakap benar (siddiq), menyampaikan amanah, mengelakkan fitnah dan menjaga adab dalam berkomunikasi.

Integriti Kewangan

Kewangan merupakan sesuatu integriti yang amat berat, lebih-lebih lagi pada masa kini kerana ianya sesuatu yang memerlukan kejujuran yang amat tinggi untuk dilaksanakan, sama ada oleh individu, suatu organisasi, mahupun di peringkat kerajaan.

Wang ini sesuatu unit yang digunakan oleh setiap individu untuk kehidupan seharian, sama ada untuk makanan ataupun keselesaan hidup. Dengan itu, tanpa kejujuran di dalam kewangan, musnahnya integriti itu. Maka kes-kes berkaitan dengan tanggungjawab wang makin berleluasa seperti rasuah, penipuan dan fitnah.

Integriti kewangan merujuk kepada kejujuran, ketelusan, dan akauntabiliti dalam pengurusan kewangan sama ada di peringkat individu, organisasi mahupun kerajaan. Ia amat penting dalam memastikan kepercayaan masyarakat terpelihara, ketirisan dana dapat dielakkan, dan pembangunan negara berjalan dengan lancar.

Secara keseluruhannya, integriti kewangan menjadi tunjang kepada kestabilan ekonomi dan kelestarian sistem kewangan. Tanpa integriti, risiko penyelewengan, rasuah dan pembaziran meningkat, sekali gus menjejaskan keyakinan pelabur serta rakyat. Oleh itu, semua pihak perlu memainkan peranan dalam menegakkan integriti kewangan melalui amalan tadbir urus yang baik, pematuhan undang-undang serta pengurusan sumber yang beretika dan telus.

Cabaran dalam pengurusan kewangan:

1. Penyalahgunaan kuasa. Pihak atasan akan menerima duit sebagai rasuah untuk mengubah keputusan sesuatu mengikut kehendak pengirim. Malangnya, rasuah merupakan sesuatu perkara yang dinormalisasi pada masa kini dan telah menjadi halangan utama mengenai pengurusan kewangan.

2. Konflik kepentingan. Walaupun individu tersebut telah diberi tanggungjawab untuk mengurus kewangan, mereka mungkin akan mengalami masalah kejujuran dan ketelusan, dan akan membelanja wang tersebut untuk diri mereka sendiri.

3. Pemalsuan maklumat. Apabila seseorang memalsukan maklumat, ianya senang untuk mereka menipu individu yang lain dan dapat mengelakkan sebarang tatatertib daripada pihak berkuasa. Individu terbabit tidak akan mendapat dan kehilangan wang.

Integriti Masa

Masa merupakan sesuatu tanggungjawab dimana masa yang digunakan tidak akan kembali dan patut digunakan secara berhemat dan efisien. dalam pengurusan Islam, masa digunakan secara jujur, dan individu juga haruslah bertanggungjawab dan berdisiplin. Ini kerana salah satu faktor untuk menjadi produktif and menjana produktiviti yang tinggi di dalam suatu organisasi ialah dengan mempunyai sifat berintegriti dengan masa.

Dengan ini, seseorang pekerja ataupun majikan perlulah mempunyai integriti masa, dimana mereka perlu mengurusnya dengan baik dan tidak membazirkan masa itu dengan membuat kerja yang tidak berfaedah ataupun menggunakan masa yang telah dipertanggungjawabkan untuk membuat suatu aktiviti untuk aktiviti yang lain. Itu ialah suatu perbuatan pecah amanah dan merupakan sesuatu perbuatan yang tidak patut dilakukan oleh mana-mana individu.

Prinsip integriti masa:

Seseorang perlulah berusaha untuk buat sesuatu pekerjaan sebaik mungkin secara berhemat:

1. Menepati masa, dimana seseorang perlulah menepati waktu sesuatu aktiviti yang telah ditetapkan seperti mesyuarat. Tidak berbuat demikian akan membuat individu- individu terlibat berasa gelisah dan berlakunya isu amanah dalam organisasi tersebut.
2. Menghormati masa orang lain, supaya tidak membazirkan masa individu yang lain seperti berbual kosong apabila mereka sedang melakukan aktiviti yang ditetapkan untuk mereka dimana ia akan mengelakkan sebarang kelewatan atau perancangan yang gagal.
3. Menguruskan masa dengan baik, seharusnya semua pihak melakukannya demi melaksanakan tugas dan menyelesaikannya dalam tempoh yang singkat untuk mengelakkan sebarang pertangguhan yang akan menyebabkan percanggahan dalam perancangan yang ditetapkan.
4. Mendisiplinkan diri, untuk mengelakkan diri daripada membuat perkara yang tidak berfaedah yang membuang masa supaya segala aktiviti disiapkan dalam ketetapan yang tertentu dan mengelakkan gangguan produktiviti kerja yang lain.

Kesimpulan yang dapat disimpulkan, integriti masa merupakan satu bentuk disiplin dan tanggungjawab yang sangat ditekankan dalam Islam dan amalan kerja profesional. Menghargai masa menunjukkan sifat amanah, menepati janji, dan menghormati orang lain. Individu yang berpegang kepada integriti masa akan lebih berkesan dalam pengurusan tugas, meningkatkan produktiviti, dan menjadi contoh teladan kepada orang lain. Oleh itu, pematuhan terhadap masa bukan sahaja mencerminkan keperibadian yang mulia, tetapi juga menyumbang kepada kejayaan diri, organisasi, dan masyarakat secara keseluruhan.

Tambahan pula, dalam konteks pengurusan Islam, masa dilihat sebagai amanah daripada Allah SWT yang perlu digunakan sebaik mungkin untuk perkara bermanfaat. Justeru,

membudayakan integriti masa bukan sekadar tuntutan etika kerja, tetapi juga satu ibadah dan bukti ketakwaan seorang muslim terhadap tanggungjawabnya di dunia ini.

Langkah-langkah pencegahan isu integriti:

1.Rasuah

Kerajaan perlu melancarkan Pelan Anti Rasuah Kebangsaan untuk menangani isu-isu rasuah dalam kalangan penjawat awam. Pelan yang dilancarkan itu akan memberikan fokus kepada empat bidang yang dikenal pasti sebagai mempunyai kecenderungan kepada rasuah iaitu penguatkuasaan undang-undang, perolehan awam, tadbir urus terbaik organisasi dan perundangan. Tumpuan yang diberikan kepada empat bidang tersebut bagi memastikan langkah pencegahan rasuah di buat di peringkat akar umbi.

2.Penyalahgunaan Dadah

Agensi Anti Dadah Kebangsaan AADK menjalankan program Tempat Kerja Bebas Dadah (TEKAD) sejak 2010, ini telah menggalakkan proses rawatan pemulihan dalam kalangan pekerja yang terlibat dengan dadah. Antara langkah pencegahan diambil ialah pelaksanaan Program Tempat Kerja Bebas Dadah dengan pengisiannya meliputi taklimat antidadah dan ujian saringan air kencing, Majikan disarani mengambil inisiatif menubuhkan jawatankuasa pencegahan dadah di tempat kerja masing-masing.

3.Pecah Amanah

Kerajaan bersungguh-sungguh meningkatkan tadbir urus tertinggi terutama dalam kalangan dan menetapkan nilai integriti tertinggi dalam kalangan penjawat awam. Pihak kerajaan juga mengeluarkan banyak pekeliling perkhidmatan awam bagi memberi garis panduan kepada setiap penjawat untuk membudayakan sikap integriti dalam melaksanakan sesuatu tugas atau amanah yang diberikan kepada mereka seperti Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam. Bil. 1. 2008, Panduan Pengurusan Perhubungan Pelanggan, Penambahbaikan Proses Pengurusan Aduan Awam dan Pekeliling Kemajuan Perkhidmatan Awam Bil. 2.

4.Salah Guna Kuasa

Orang awam mesti menolak semua bentuk dan unsur rasuah, memberikan sokongan dan bantuan kepada agensi penguat kuasa yang berkaitan. Selain itu, BPMP menjalankan pemeriksaan ke atas amalan, sistem dan tatacara badan awam dan swasta bagi mengenal pasti kelemahan-kelemahan yang boleh membuka ruang dan peluang salah guna kuasa. Pemeriksaan ini dijalankan melalui kaedah temu bual, kajian dokumen, lawatan tapak dan benchmarking. Sesi khidmat nasihat akan diadakan bersama ketua badan awam/swasta terlibat untuk membentangkan hasil pemeriksaan dan mengemukakan syor penambahbaikan bagi mengurangkan risiko salah guna kuasa.

5. Penyelewengan

Sistem audit dalaman dalam kementerian dan jabatan kerajaan perlu diperkukuhkan supaya kawalan pengurusan dana awam yang lebih baik dapat dilaksanakan. Selain itu, penyeliaan yang ketat terhadap jabatan-jabatan yang mudah terjebak dalam penyelewengan atau sering berurusan dengan orang ramai harus dilaksanakan. Semua prosedur harus diteliti dan dikaji serta mana-mana kelonggaran.

6. Salah Laku

Kerajaan akan memberikan ganjaran kepada individu yang membantu memberikan maklumat ketirisan atau salah laku kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri melalui Unit Integriti. Unit ini juga bertanggungjawab menguruskan dan melaksanakan inisiatif penginstitusian integriti, pencegahan, pematuhan, pengesanan salah laku dan tindakan punitif dengan secara yang lebih fokus, terang, efisien dan optimum.

Cabaran Dan Halangan Integriti

Integriti dalam pengurusan Islam mempunyai banyak kesukaran dan cabaran yang boleh menghalang pelaksanaannya yang berkesan dalam organisasi. Khususnya, ketidakjelasan dan kekurangan pemahaman dan kesedaran di kalangan pengurus dan pekerja tentang beberapa prinsip asas pengurusan Islam, termasuk nilai etika dan ajarannya. Ramai pengurus dan pekerja belum cukup terdedah kepada banyak konsep ini dan ini boleh membawa kepada penerapan integriti dan nilai etika dan pengajaran yang tidak konsisten dan tidak sama rata dalam amalan perniagaan atau organisasi biasa.

Integriti adalah aspek yang perlu diakui oleh semua orang (pekerja) dalam sesebuah organisasi. Memberi perhatian kepada aspek ini amat kritikal kerana ia boleh memberi kesihatan kepada pekerja. Pekerja yang berintegriti mempamerkan perwatakan yang baik dan mereka tidak akan mudah terpengaruh dengan tingkah laku negatif (menipu, mencuri, ponteng kerja dan mengambil kerja lebih masa.) dan ini boleh memberi kesan positif kepada individu dan organisasi mereka.

Halangan lain ialah cabaran yang berkaitan dengan ekuiti jantina dan kemasukan serta penyesuaian kewangan Islam kepada model perniagaan arus perdana. Salah faham atau malah bias budaya tentang peranan jantina boleh mengurangkan penyertaan dan peluang untuk wanita dalam peranan kepimpinan juga larangan terhadap minat dan aktiviti spekulatif dalam kewangan Islam memerlukan pengetahuan khusus dan penyesuaian dalam mana-mana struktur kewangan sedia ada.

Ringkasnya, halangan kepada integriti dalam pengurusan Islam datang daripada kekurangan pengetahuan tentang kerumitan, mengimbangi nilai etika diseimbangkan dengan matlamat perniagaan, ketidakstabilan dalam mewujudkan prinsip Islam yang merentasi pelbagai organisasi konteks, dan penentangan terhadap perubahan. Untuk bertindak balas terhadap halangan ini, pelan tindakan yang komprehensif menggunakan pendidikan, pengaturcaraan yang kukuh dan menginstitusikan rangka kerja etika di suatu tempat dalam organisasi, dasar inklusif yang berkaitan dengan nilai etika Islam, dan komitmen yang berterusan terhadap nilai Islam di semua peringkat pengurusan dalam organisasi.

Strategi Membudayakan Integriti Dalam Organisasi

Integriti dalam amalan Islam sering terancam dan dicabar oleh fitrah manusia dan tuntutan masyarakat, seperti rasuah, ketiadaan akauntabiliti, dan kemunafikan. Tekanan-tekana ini boleh menjejaskan prinsip kejujuran, keikhlasan, dan akhlak yang digalakkan oleh Islam.

Keadilan (adil) ialah asas lain, yang bermaksud organisasi mesti mempunyai amalan yang adil dan saksama di seluruh organisasi. Keadilan memerlukan organisasi untuk bersikap saksama dalam pengambilan, pampasan, prosedur rungutan, dan layanan terhadap semua pihak berkepentingan. Keadilan juga membina kepercayaan, kesetiaan, dan kedamaian dalam organisasi.

Prinsip syura (perundingan) menekankan pembuatan keputusan secara partisipasi, keterangkuman, dan dialog, untuk memastikan perspektif berbeza dipertimbangkan dan pertimbangan etika menjadi pusat keputusan organisasi. Ini, seterusnya, memupuk penglibatan dan pemilikan pekerja.

Untuk menggalakkan integriti secara aktif dalam amalan adalah untuk mewujudkan proses yang jelas berkaitan etika, program latihan tetap berdasarkan nilai-nilai Islam, dan, melalui mekanisme akauntabiliti, menggalakkan tingkah laku bertanggungjawab sambil meningkatkan pemilikan dan akauntabiliti. Memupuk persekitaran untuk komunikasi terbuka dan memberi peluang kepada pekerja untuk mengemukakan keberimbangan etika tanpa rasa takut akan pembalasan akan terus menggalakkan budaya integriti.

KESIMPULAN

Kesimpulan daripada bab ini, kami mendapati bahawa daripada tuntutan syarak, kita perlulah sentiasa menjauhkan diri daripada perkara-perkara yang telah dilarang oleh Allah SWT. Antara perkara yang perlu dipraktikkan ialah kita perlulah sentiasa niat dengan ikhlas untuk mendapatkan keredhaan Allah SWT, serta berazam dan sentiasa bersemangat bersungguh-sungguh dalam melakukan sesuatu pekerjaan sehingga menghasilkan suatu kerja yang berkualiti, memuaskan serta ia dapat memberi manfaat kepada semua pihak yang dapat menaikkan imej organisasi serta negara.

Di samping itu, kita perlulah mengelakkan diri daripada amalan keji dan tidak baik seperti perbuatan menipu, mencuri, menyeleweng, rasuah dan sebagainya. Justeru itu, kita juga perlulah sentiasa mengamalkan sifat penyabar serta bertawakal dan berdoa agar dijauhkan perkara yang tidak baik dan dipermudahkan segala urusan ketika menghadapi ujian dan cabaran. Hal ini demikian, ini menunjukkan bahawa integriti menjadi faktor yang penting dalam pengurusan tadbir urus yang baik. Ini kerana, tadbir urus yang baik kan memberikan sesuatu organisasi itu mempunyai kemahiran kerja yang cekap dan dapat memuaskan semua pihak dalam sesuatu organisasi serta dapat meningkatkan kualiti produktiviti sesebuah organisasi.

RUJUKAN

- Arifin, M. A. M., & Ahmad, A. H. (2016). Konsep integriti dalam organisasi Polis Diraja Malaysia (PDRM): Satu tinjauan awal. *Geografia*, 12(8).
- Azhar, F. (2023, April 17). Integriti tanggungjawab bersama - MAIS. MAIS. <https://mais.gov.my/artikel-dakwah/integriti-tanggungjawab-bersama/>
- Editorial Team. (2024, May 29). Promoting ethical conduct in the workplace: An Islamic framework. *Tazkiyah – Islamic Personal Development*. <https://kharchoufa.com/en/promoting-ethical-conduct-in-the-workplace-an-islamic-framework/>
- Ibrahim, A. (2018). The elements of halal, hisbah and integrity in the Islamic-based development institutions. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 8(2), 636–647.
- Ibrahim, A. S., & Tijjani, T. S. (2024). The ethical compass of Islamic corporate social responsibility: A path to sustainable impact. In *IntechOpen eBooks*. <https://doi.org/10.5772/intechopen.1005405>
- Luqman bin Hamadi. (2016, February 4). Integriti kerja dari perspektif Islam. Unit Integriti MOA. <https://integritimoa.blogspot.com/2016/02/integriti-kerja-dari-perspektif-islam.html?m=1>
- Muaz Hj Mohd Noor. (2024). Bab 8: Integriti dalam pengurusan Islam. In *Pengantar pengurusan Islam* (pp. 145–160).
- Muhammad, F. (2023). Ethics in management: An Islamic view. *Journal of Technology and Operations Management*, 18(1), 25–39.
- Mustafa@Busu, Z., Junoh, N., Awang@Ab Rahman, N. H., Noor Zainan, N. I., Ismail, M. K. A., Mat Jusoh, N. A., Yusuf, N., Nik Din, N. M., & Mohd Firdaus Kozako, I. N. (2022). Analysis of work practices in organizations based on Islamic doctrinal standards reaches the way forward. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 7(43), 13–28.
- Tahir, P. R., Azizan, N. A., Muzaffar, S., & Muzaffar, Z. (2025). Charting the course for organizational success using Islamic principles of leadership in strategic management: Challenges and opportunities. *International Journal of Entrepreneurship and Management Practices*, 8(29), 370–378.
- Yahya, A. N. A., & Hasan, W. N. W. (2019). Integriti dalam kepimpinan organisasi di Malaysia berdasarkan prinsip-prinsip pembangunan berteraskan Islam. *Editorial Board*, 539.